

Kekurangan bawang merah India turut dirasakan di Limbang

2020-01-03,T01:00:01+08:00



TIADA BAWANG: Rak menjual bawang merah India di sebuah kedai di Limbang kosong kerana kekurangan bekalan.

LIMBANG: Kekurangan bawang merah import India turut dihadapi di beberapa kedai di daerah ini seperti yang dihadapi di kawasan lain selepas India menghentikan eksport bahan mentah itu.

Tinjauan Utusan Borneo di beberapa kedai dan tamu Limbang mendapati tidak ramai peniaga yang menjual bawang tersebut dan rak atau tempat menjual bawang merah import India juga didapati kosong.

Ketua Cawangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Bahagian Limbang Pulnama Tarah berkata, seperti di tempat lain Limbang juga berdepan kekurangan bekalan bawang merah import India.

"Bawang merah kecil rose India kurang di pasaran di-sebabkan larangan eksport oleh pihak negara India.

"Bagaimanapun bawang merah masih ada di pasaran tetapi dalam kuantiti kecil dan tidak semua penjual memper-oleh daripada pemborong dan hanya sebahagian kecil peniaga memperolehnya," katanya kepada media di sini, semalam.

Pulnama berkata, orang ramai juga boleh mencari alternatif lain dengan mendapat-kan bekalan bawang merah besar China di pasaran.

"Pihak pemborong utama di bahagian ini cuba membawa bawang kecil dari Pakistan cuma kurang diminati pengguna," katanya.

Bagaimanapun katanya, pihaknya akan terus memantau bekalan dan bekerjasama dengan agensi lain seperti FAMA.

Ditanya mengenai kekura-ngan minyak masak peket satu kilogram (kg) beliau memberitahu, orang ramai masih boleh mendapatkan bekalan minyak masak botol di pasaran.

"Masalah kekurangan minyak masak peket satu kilogram hanya bersifat sementara.

"Pihak pemborong telah membuat pesanan sejak minggu lepas dan bekalan dijangka diterima dan berada di pasaran pada hujung minggu ini," katanya.

Kekurangan bekalan mi-nyak masak peket satu kilogram katanya, disebabkan pemborong lewat menerima bekalan daripada pembekal di Bintulu selain kelewatan disebabkan penghantaran.

Jelasnya, orang ramai yang berdepan masalah bekalan atau harga terlalu tinggi boleh membuat aduan terus ke Pejabat KPDNHEP Limbang atau Lawas.

